

11/08/1999

ATPM iktiraf organisasi cemerlang guna IT

ANUGERAH Perdana Teknologi Malaysia (APTM) yang diperkenalkan tahun ini melambangkan pengiktirafan dan penghargaan kepada sesuatu organisasi yang menunjukkan kecemerlangan dalam teknologi maklumat (IT).

Selain itu pengenalan APTM juga melambangkan kepesatan penggunaan IT di negara ini serta semangat kerjasama Malaysia (Malaysia Inc.) membabitkan sektor swasta dan Kerajaan.

Bagi memangkinkan perkembangan seterusnya usaha itu, kerajaan akan terus menyokong inisiatif itu memandangkan ia akan memanfaatkan negara, kata Timbalan Ketua Pengarah, Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (Mampu), Datuk Dr Mohd Shahar Sidek.

"Hadiah termasuk wang tunai RM30,000 disediakan untuk tiga pemenang bagi kategori masing-masing iaitu sektor awam (jabatan dan agensi kerajaan) dan sektor swasta (syarikat/enterpris komersil dan agensi kerajaan yang dikorporatkan atau diswastakan).

"Satu lagi membabitkan sektor sosioekonomi seperti badan bukan kerajaan (NGO), koperasi, persatuan, badan kebajikan dan organisasi lain. Setiap kategori menerima RM10,000," katanya di majlis pelancaran logo APTM, di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Hadir sama ialah bekas pengerusi Pikom, Shaifubahrim Saleh. Pikom turut menjadi penganjur bersama Mampu manakala The New Straits Times (NST) adalah akhbar rasmi bagi anugerah itu.

Anugerah itu diwujudkan dengan tujuan untuk menggalakkan kesedaran bahawa IT adalah alat pemboleh cara masa depan dalam meningkatkan keberkesanan serta produktiviti.

Selain itu bermatlamat untuk membentuk satu pengiktirafan kepada organisasi terhadap inisiatif, daya usaha dan pelaburan dalam IT.

Melalui APTM juga, penganjur berusaha meningkatkan publisiti terhadap pelaksanaan IT yang sudah menikmati kejayaan di samping menggalakkan persaingan sihat di antara organisasi bagi mempertingkatkan operasi mereka menggunakan IT.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka akan menyampaikan anugerah kepada pemenang APTM Oktober depan.

(END)